



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA DAN KEDUTAAN BESAR REPUBLIK PERU ANJUR PAMERAN “THE GREAT INCA EMPIRE” SEMPENA ULANG TAHUN KE-40 HUBUNGAN DIPLOMATIK MALAYSIA–PERU

PUTRAJAYA, 28 April 2026 - Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama strategik Kedutaan Besar Republik Peru di Malaysia akan mengadakan **Pameran “*The Great Inca Empire: Integration and Diversity*”**. Penganjuran ini merupakan inisiatif utama bagi memperingati sambutan Ulang Tahun ke-40 hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Peru yang terjalin sejak 24 April 1986.

Pameran ini dibuka kepada orang awam bermula 5 hingga 9 Mei 2026 bertempat di Ruang Pameran, Aras 1, Anjung Bestari, Perpustakaan Negara Malaysia. Program ini bertujuan memperkukuh diplomasi kebudayaan di samping memperkenalkan keagungan Tamadun Inca sebagai salah satu warisan sejarah terpenting dunia. Selain itu, inisiatif ini turut berperanan sebagai platform pembudayaan ilmu dalam meningkatkan kefahaman masyarakat Malaysia terhadap kepelbagaian budaya antarabangsa. Pengisian pameran merangkumi dua segmen eksklusif:

1. “The Great Inca Road” (Qhapaq Ñan)

Menampilkan dokumentasi visual sistem jalan raya purba yang merentasi kawasan seluas kira-kira 2 juta kilometer persegi dengan jarak keseluruhan mencecah 40,000 kilometer. Tapak ini telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 2014.

2. “Peruvian Chroniclers in the 16th Century”

Mengetengahkan perspektif tokoh pribumi, Felipe Guaman Poma de Ayala, mengenai transformasi sosial dan budaya semasa era Empayar Inca serta kesan penjajahan Sepanyol pada abad ke-16.

Kementerian Perpaduan Negara menyeru orang ramai untuk merebut peluang menghadiri pameran ini sebagai wadah memperluas pengetahuan serta meningkatkan apresiasi terhadap sejarah dunia dan warisan tamadun negara lain. Pendedahan ini bukan sahaja memperkaya pemahaman terhadap kepelbagaian budaya global, malah menyuburkan nilai saling menghormati serta memperkukuh jalinan persefahaman antara masyarakat pelbagai latar budaya.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

28 April 2026

KPN.100-9/1/16 (40)

